

# Pemulihan sungai perlu 30 tahun

um 5/12/2006

NILAI 4 Dis. - Masalah pencemaran sungai di negara ini memerlukan masa 20 hingga 30 tahun untuk dipulihkan sepenuhnya, sekiranya dirawat dengan kaedah yang betul.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Rosnani Ibrahim berkata, negara memerlukan sistem yang lebih baik untuk merawat kumbahan yang dilepaskan ke sungai.

Menurutnya, dua pertiga daripada jumlah sungai tercemar disebabkan penggunaan teknologi yang sudah lapuk termasuk

penggunaan tangki septik dan kolam pengoksidaan untuk merawat kumbahan di premis kediaman dan perniagaan.

Katanya, kegagalan merawat kumbahan itu secara efektif membawa kesan lebih buruk berbanding pencemaran akibat pelepasan sisa dari kilang.

"Pada masa ini tidak sampai separuh daripada 146 sungai di seluruh negara yang masih bersih, manakala 15 lagi tercemar teruk manakala sembilan yang lain dikategorikan sebagai sungai mati," katanya.

Beliau berkata demikian semasa mem-

bentangkan kertas kerja bertajuk 'Isu dan Cabaran Dalam Menguatkuasakan Undang-Undang dan Peraturan Alam Sekitar' pada Simposium Pengurusan Alam Sekitar di Akademi Audit Negara di Nilai, semalam.

Rosnani berkata, harapan tinggi rakyat merupakan antara cabaran utama bagi agensi-agensi kerajaan dalam usaha memulihara alam sekitar.

Katanya, skop akta perlindungan alam sekitar juga turut menjadi cabaran memandangkan bukan semua kesalahan tertakluk dalam akta tersebut.

"Ada juga masalah alam sekitar yang tidak tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekitar (EQA) 1974.

"Penggubalan EQA 1974 juga adalah satu keperluan selain menganjurkan program latihan komprehensif dan sistematik kepada pegawai penguat kuasa serta pengurus alam sekitar," katanya.

Bagi mengukuhkan aspek penguatkuasaan, Rosnani turut mencadangkan kerjasama dengan agensi sukarela seperti Ikatan Relawan Rakyat (Rela) bagi memantau alam sekitar.